

ISLĀMIYYĀT 38(2) 2016: 111 - 120
(<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3802-03>)

Unsur-unsur Persefahaman antara Agama dalam Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral

Elements of Inter-Religious Understanding in Islamic and Moral Education Curriculum

KAMARUDIN SALLEH
YANG MARYA ABD KHAHAR

ABSTRAK

Persefahaman antara agama ialah persefahaman nilai, amalan atau tindakan sesuatu penganut agama yang berlandaskan agama dengan penganut agama lain, sama ada dalam hubungan dengan Tuhan, manusia atau alam dalam segenap kehidupan. Persefahaman antara agama diketengahkan sebagai mencari titik persamaan dalam nilai-nilai kebaikan, di samping menghormati perbezaan antara agama. Kajian ini bertujuan untuk meneliti unsur-unsur persefahaman antara agama yang diterapkan dalam Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menjadi panduan buat para guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian analisis kandungan dan kajian dokumen yang melibatkan pengumpulan data dan penganalisan data diaplikasi untuk meneliti dan mengamati penerapan unsur persefahaman antara agama tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan pendidikan Islam dan moral amat menekankan: aspek toleransi beragama, kasih sayang, berperikemanusiaan dan kesederhanaan; aspek kemuliaan dan kehormatan manusia; dan aspek amalan pendekatan persefahaman ke arah mewujudkan persefahaman antara agama. Persefahaman ini dapat dijayakan menerusi amalan atau pendekatan sama ada dialog, pendidikan, kajian agama-agama, seminar dan persidangan agama, peranan media massa dan elektronik dan peranan semua pihak, sama ada pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO). Persefahaman antara penganut agama wajar dilaksanakan bagi mencapai perpaduan, keharmonian dan keamanan, terutama di negara masyarakat majmuk seperti Malaysia. Kajian ini turut mendapati pendidikan Islam dan moral merupakan mata pelajaran KPM yang berjaya menerapkan aspek-aspek persefahaman antara penganut agama, terutama dalam diri para pelajar itu sendiri.

Kata kunci: Persefahaman antara agama; perpaduan nasional; pendidikan Islam; pendidikan moral

ABSTRACT

Inter-religious understanding involves understanding the religious values, practices or actions of a believer of another faith, whether in relation to God, man or nature in every aspect of life. Inter-religious understanding is highlighted as seeking common ground in good values, while respecting religious differences. The purpose of this article is to examine elements of inter-religious understanding applied in the Islamic and Moral Education Curriculum, Ministry of Education of Malaysia as a guide for teachers to implement in teaching and learning in schools. This qualitative research uses content analysis and document analysis involving data collection, and data analysis is applied to examine and observe the application of inter-religious understanding. Research findings show that Islamic and Moral education emphasizes very much on the aspects of religious tolerance, affection, humaneness and moderation, human honour and dignity, and practice of an understanding approach towards creating inter-religious understanding. This understanding may be achieved through a suitable approach or practice such as dialogue, education, religious studies, seminars and religious conferences, role of mass and electronic media, and the role of all parties, whether government or non-governmental organization (NGO). Mutual understanding between believers of different faiths should be implemented to achieve national unity, peace and harmony, particularly in pluralistic societies such as in Malaysia. This research also finds that Islamic and Moral Education is a Ministry of Education subject which succeeds in applying aspects of inter-religious understanding between adherents of different faiths, particularly within the students themselves.

Keywords: Inter-religious understanding; national unity; Islamic education; moral education

PENGENALAN

Pendidikan Islam dan pendidikan moral adalah amat penting dalam membentuk keperibadian pelajar yang mencakupi aspek emosi, intelek, rohani dan

jasmani seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Penerapan aspek persefahaman antara agama adalah asas yang akan melahirkan modal insan dan dapat mendepani masyarakat Malaysia berbilang bangsa dan agama. Malah usaha penerapan ini merupakan

aset utama dalam membentuk perpaduan, keamanan dan keharmonian negara pada setiap masa. Dan, komponen terpenting dalam pendidikan Islam dan moral ialah kurikulum.

KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL

Sebelum membicarakan mengenai Kurikulum Pendidikan Islam dan moral, definisi kurikulum itu sendiri perlu difahami sebaiknya. Mengikut Akta Pendidikan 1996, Kurikulum Kebangsaan ialah:

Suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan ko-kurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Menurut Nik Mohd Rahimi et al. (2002: 10-11), definisi kurikulum terbahagi kepada tiga pendekatan, iaitu pendekatan tingkah laku dan kepengurusan, pendekatan kemanusiaan serta pendekatan akademik. Definisi kurikulum melalui pendekatan tingkah laku dan kepengurusan ialah seperti mana menurut Wiles dan Bondi (1998) serta Pratt (1980) yang melihat kurikulum sebagai rancangan rapi pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga Hassan (1988) mendefinisikan kurikulum melalui empat komponen utama, iaitu: (1) tujuan yang ingin dicapai oleh pendidikan; (2) pengetahuan, maklumat, data, aktiviti dan pengalaman yang diperoleh daripada kurikulum; (3) metodologi dan cara mengajar oleh guru untuk membawa pelajar ke arah yang dikehendaki oleh kurikulum, metode dan cara penilaian untuk mengukur dan menilai kurikulum; serta (4) hasil proses pendidikan yang dirancang dalam kurikulum tersebut.

Seterusnya, pendekatan kemanusiaan yang menyatakan kurikulum semestinya mengandungi pengalaman-pengalaman kemanusiaan yang diajar dan bermakna kepada para pelajar (Dewey 1991). Pendekatan ini turut sama dengan Schubert (1986) yang menyatakan kurikulum ialah kandungan atau mata pelajaran yang mengandungi aktiviti yang dirancang, hasil pembelajaran yang ingin dicapai, penghasilan budaya, pengalaman, tugas-tugas dan konsep yang perlu dipelajari, satu agenda yang mengubah sosial. Begitu juga dengan Ea (1994) berpendapat kurikulum merangkumi komponen objektif kurikulum, pengetahuan, pengalaman pembelajaran dan penilaian kurikulum.

Berbeza pula dengan McNeil (1997) yang mendefinisikan kurikulum melalui pendekatan akademik. Menurut beliau, kurikulum merupakan disiplin-disiplin ilmu mempunyai teori-teori dalam bidang tersendiri. Disiplin ini terdiri daripada mata pelajaran seperti sejarah, sains dan matematik.

Secara rumusannya, kurikulum merupakan ilmu pengetahuan yang diklasifikasikan mengikut bidang dikenali sebagai mata pelajaran. Mata pelajaran ini disusun dan dirancang isi dan aktiviti. Di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia, perancangan ini adalah berdasarkan Sukatan Pelajaran yang diperincikan di dalam Huraian Sukatan Pelajaran. Seterusnya, pelajar akan melalui proses pengajaran dan pembelajaran melalui guru yang menggunakan metodologi yang sesuai untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian dibuat oleh guru dan hasil proses pengajaran dan pembelajaran tersebut akan diperoleh. Ini jelas menunjukkan pelaksanaan kurikulum itu dapat dilihat dari segi penerapan isi pengetahuan melalui huraian sukatan pelajaran, proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian guru serta hasil pengajaran dan pembelajaran pelajar yang dapat diketahui melalui penilaian, sama ada dari sudut kefahaman atau amalan pelajar.

KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990 (Kementerian Pendidikan Malaysia 1990), kurikulum pendidikan Islam ialah mata pelajaran teras dan wajib diambil oleh pelajar Muslim dalam memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sinopsis Berdasarkan Sukatan Pelajaran, pendidikan Islam berteraskan bidang Tilawah al-Qur'an dan Hadis, Ulum Syar'iah dan Adab berteraskan Akhlak Islamiah. Bidang Ulum Syar'iah merangkumi akidah, ibadah, *sirah Nabawiyyah* dan tamadun Islam. Mata pelajaran ini bermatlamat untuk:

Menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a: 1-2).

Objektif Memahami dan mengambil iktibar daripada *sirah Nabawiyyah*, Khulafa' al-Rashidin dan tokoh-tokoh Islam sebagai asas pembentukan dan pembangunan insan yang cinta dan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara. Dan, berakhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni

sebagai tonggak budaya bangsa yang bernaung (Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a: 1-2).

Jam Pembelajaran Peruntukan masa bagi Pendidikan Islam ialah empat masa, iaitu tiga masa pengajaran dan pembelajaran dan satu masa untuk amali. Satu masa ialah selama 40 minit. Dengan demikian, terdapat 160 minit dalam seminggu.

Kaedah Pentaksiran Kaedah penilaian adalah berdasarkan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) sebanyak 60% manakala 40% adalah berorientasikan peperiksaan. Jumlah keseluruhan ialah 100%.

KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990 1990 (Kementerian Pendidikan Malaysia 1990), kurikulum pendidikan moral ialah mata pelajaran teras dan wajib diambil oleh pelajar bukan Muslim dalam memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sinopsis Berdasarkan Sukatan Pelajaran, pendidikan moral berteraskan tujuh bidang pembelajaran, iaitu nilai berkaitan dengan Perkembangan Diri, Kekeluargaan, Alam Sekitar, Patriotisme, Hak Asasi Manusia, Demokrasi serta Keamanan dan keharmonian. Mata pelajaran ini bermatlamat untuk:

Membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global (Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b: 3).

Objektif Memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakhlak mulia; menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dan alam sekitar serta berusaha ke arah mengekalkannya; meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik; mengembangkan pemikiran yang matang berasaskan nilai moral dan rohani dalam membuat keputusan bermoral dan menyelesaikan masalah; dan mempunyai iltizam untuk mengamalkan perlakuan yang bermoral secara adil dan altruistik selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b: 3).

Jam Pembelajaran Peruntukan masa bagi pendidikan moral ialah tiga masa pengajaran dan pembelajaran dan satu masa ialah selama 40 minit. Dengan demikian, terdapat 120 minit dalam seminggu atau dua jam.

Kaedah Pentaksiran Kaedah penilaian adalah berdasarkan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)

sebanyak 60%, manakala 40% adalah berorientasikan peperiksaan. Jumlah keseluruhan ialah 100%.

Selanjutnya, kajian ini memfokuskan pada analisis isi kandungan yang mengandungi penerapan aspek persefahaman antara agama berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran yang diterbitkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjadi panduan guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Fungsi utama Huraian Sukatan Pelajaran adalah untuk menentukan skop sukatan pelajaran; panduan guru dalam menyediakan isi pelajaran dan pemilihan aktiviti pembelajaran; kegunaan penyedia buku teks dan bahan pembelajaran bagi memilih dan membina isi kandungan, aktiviti pembelajaran, soalan penilaian dan tugas-tugas lanjutan; kegunaan pembinaan soalan ujian dan penaksiran semula samasa berbentuk formatif dan sumatif. Keterangan lanjut mengenai organisasi kandungan huraian sukatan pelajaran boleh dirujuk pada huraian sukatan pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000, <http://www.moe.gov.my/my/pelajaran-menengah>).

ASPEK PERSEFAHAMAN ANTARA AGAMA DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Dapatan aspek persefahaman antara agama melibatkan hubungan Muslim dan bukan Muslim dalam Huraian Sukatan Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti jadual di bawah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000):

DAPATAN BERDASARKAN ASPEK PERSEFAHAMAN AGAMA

JADUAL 1. Aspek Toleransi Beragama: Sedia Menerima Perbezaan Melalui Bersikap Sabar dan Berlapang Dada dan Bersikap Terbuka

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Kefahaman surah al-Baqarah ayat 256	Islam bukan agama paksaan
2	Adab terhadap Muslim dan bukan Muslim	Amalan sikap bertoleransi, hormat-menghormati, bersatu padu dan tolong-menolong, memelihara keharmonian, menjaga adab, menjelaskan akibat tidak beradab dan langkah-langkah beradab
3	Rakyat Malaysia bebas mendapat pendidikan agama	Setiap individu bebas mendapat pendidikan agama

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a

JADUAL 1.1 Aspek Toleransi Beragama: Menghormati Doktrin Kepercayaan dan Amalan Agama

Tingkatan	Tajuk	Perkara
2	Adab terhadap Muslim dan bukan Muslim	Amalan sikap bertoleransi, hormat-menghormati, bersatu padu dan tolong-menolong, memelihara keharmonian, menjaga adab, menjelaskan akibat tidak beradab dan langkah-langkah beradab

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a

Tiada penerapan aspek toleransi beragama yang memfokuskan untuk memahami etika, falsafah dan pantang larang agama dalam Kurikulum Pendidikan Islam.

JADUAL 2. Aspek Sifat Kasih Sayang, Berperikemanusiaan dan Kesederhanaan

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Kefahaman surah al-Baqarah ayat 83 Adab berkawan Adab dengan ibu bapa Adab bergaul dengan keluarga Adab berguru	Perintah berbuat baik dengan ibu bapa, keluarga, jiran tetangga, dan anak yatim Cara beradab Cara beradab Cara beradab Cara beradab
2	Kefahaman surah Al-‘Imran ayat 159 Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim mengenai kelebihan bersedekah. Adab berjiran Adab terhadap Muslim dan non-Muslim	Sifat terpuji: lemah lembut, tidak keras hati, pemaaf Erti, ganjaran, adab, kesan dan implikasi amalan sedekah Kepentingan, hak, hikmah, cara, adab, implikasi, langkah pupuk kasih sayang dan menghormati jiran Amalan sikap bertoleransi, hormat-menghormati, bersatu padu dan tolong-menolong, memelihara keharmonian, menjaga adab, menjelaskan akibat tidak beradab dan langkah-langkah beradab
3	Adab terhadap ibu bapa Adab kehidupan bersosial	Erti, adab, cara berbakti, tanggungjawab, hukum, sebab, ketaatan, kewajiban berbakti kepada ibu bapa walau berlainan agama, kesan berbakti dan akibat anak derhaka Adab menerima tetamu Adab bekerja Adab bercakap dalam majlis Adab berpidato

4	Ayat kefahaman surah Luqman ayat 14-15, 18-19 Menghina dan menderhaka ibu bapa, menipu dan berbohong Makan harta anak yatim Adab menjaga orang sakit Adab dalam kehidupan bersosial	Sopan santun kepada ibu bapa. Adab berjalan, bercakap dan adab sesama manusia Larangan dan akibat Pengertian, dalil pengharaman dan hukuman Garis panduan, adab, keperluan, sebab-sebab beradab dan akibat tidak beradab Adab amar makruf nahi mungkar Adab ziarah jenazah
---	---	---

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a

JADUAL 3. Aspek Kemuliaan dan Kehormatan Manusia

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Kefahaman surah al-Baqarah ayat 256	Islam bukan agama paksaan
3	Kepimpinan Rasulullah di Madinah melalui Piagam Madinah	Menerangkan maksud, peristiwa, isi kandungan utama antaranya berhubung kebebasan beragama, menjaga hubungan baik sebagai anggota sahifah, menegak keadilan, memberi perlindungan kepada bukan Islam. Menghurai kesan piagam, hikmah, kepentingan peraturan dan implikasi tidak mematuhi
4	Ayat kefahaman surah al-Mu‘minun ayat 8 Pemerintahan Islam pada zaman Khulafa’ al-Rasyidin	Menjaga amanah dan janjinya Ciri-ciri pemerintahan antaranya amanah dan adil

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a

JADUAL 4. Aspek Amalan Pendekatan Persefahaman

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Kefahaman surah al-‘Imran ayat 103 Kefahaman surah al-‘Imran ayat 110	Menyatakan pengertian dan konsep perpaduan sesama Islam dan bukan Islam Pelaksanaan berbuat segala yang baik dan melarang segala kejahatan dengan berhikmah, nasihat yang baik dan perdebatan yang berkesan

2	Kefahaman surah al-‘Imran ayat 159	Sifat terpuji: berbincang atau bertukar fikiran, melaksanakan keputusan bersama dan menghormati pandangan orang lain
	Hadis riwayat Muslim mengenai tanggungjawab setiap Mukmin	Cara mencegah kemungkaran dan keburukan dengan kebijaksanaan, nasihat dan perdebatan harmoni
3	Perjanjian Hudaibiyah	Maksud, isi perjanjian, mengambil iktibar kesediaan berunding untuk mengatasi masalah dan bersabar. Hikmah perjanjian, sebab termeterai dan perlunya bersifat rasional dalam membuat keputusan

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a

DAPATAN BERDASARKAN JUMLAH BILANGAN TAJUK

Tingkatan	Bilangan Tajuk Pendidikan Islam	Bilangan Tajuk yang Mengandungi Aspek Persefahaman Antara Agama	Peratus
1	40	9	22.5%
2	40	8	20%
3	38	4	10.5%
4	61	7	11.5%
Jumlah	179	28	15.6%

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000a

ASPEK PERSEFAHAMAN ANTARA AGAMA DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL

Dapatan aspek persefahaman antara agama melibatkan hubungan Muslim dan non Muslim dalam Huraian Sukatan Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia ialah seperti jadual di bawah berdasarkan aspek persefahaman agama yang telah dibincangkan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000).

JADUAL 5. Aspek Toleransi Beragama: Sedia Menerima Perbezaan melalui Bersikap Sabar dan Berlapang Dada dan Bersikap Terbuka

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Toleransi menjamin perpaduan	Bertolak ansur sebarang perbezaan yang wujud dalam masyarakat
2	Sikap terbuka dalam tindakan	Bersikap terbuka dan mampu mengawal perasaan

3	Toleransi mengekalkan hubungan mesra	Bertolak ansur dan mengawal diri bagi menjaga hubungan yang baik dengan keluarga dan orang lain
4	Toleransi mewujudkan persefahaman	Mengamalkan sikap toleransi semasa menyelesaikan masalah
5	Toleransi mewujudkan perpaduan masyarakat	Menghormati amalan hidup pelbagai kaum

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b

JADUAL 5.1. Aspek Toleransi Beragama: Menghormati Doktrin Kepercayaan dan Amalan Agama

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Amalan keagamaan membentuk peribadi	Menghormati amalan pelbagai agama Cara beribadat dan perihal makanan
2	Rakyat Malaysia merayakan pelbagai upacara keagamaan	Meraikan upacara keagamaan sendiri dan menghormati upacara keagamaan orang lain
4	Toleransi mewujudkan perpaduan masyarakat	Menghormati amalan hidup pelbagai kaum
4	Sikap saling menghormati tempat beribadat mengelak prasangka	Menjaga kesucian tempat beribadat agama sendiri dan menghormati tempat beribadat agama lain

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b

Tiada penerapan aspek toleransi beragama yang memfokuskan untuk memahami etika, falsafah dan pantang larang agama dalam Kurikulum Pendidikan Moral.

JADUAL 6. Aspek Sifat Kasih Sayang, Berperikemanusiaan dan Kesederhanaan

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Amalan bersopan santun dalam kehidupan	Berkelakuan sopan dalam pelbagai situasi; berlemah lembut dan bertegur sapa
1	Nyawa anugerah tuhan yang amat berharga	Menyayangi nyawa dan tidak terlibat dalam kegiatan membahayakan
1	Ketelitian meneliti pelbagai maklumat	Meneliti kesahihan maklumat dalam mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar

1	Kesederhanaan dalam amalan hidup	Bersederhana dalam kehidupan harian (belanja, pemakanan dan rekreasi)	3	Gejala HIV/AIDS mengancam kehidupan	Menyayangi diri dengan menjauhi gejala HIV/AIDS
1	Kasih sayang memupuk hubungan harmonis dengan keluarga	Mengamalkan kasih sayang terhadap anggota keluarga	3	Kebijaksanaan menimbang kesan sesuatu tindakan menjamin hubungan yang harmonis	Berupaya menimbang kesan setiap pertuturan dan pelakuan
1	Kewajiban dalam keluarga tanggungjawab bersama	Melaksanakan kewajiban sebagai anggota keluarga	3	Kesederhanaan menjamin kesejahteraan bersama	Mengamalkan sikap bersederhana dan menerima amalan kesederhanaan
1	Sikap terbuka dalam tindakan	Bersikap terbuka dan mampu mengawal perasaan	3	Kasih sayang ibu bapa membentuk kebahagiaan keluarga	Menerima pesanan ibubapa dan mentaati asuhan dan didikan
1	Hubungan yang harmonis memupuk kemesraan	Menunjukkan sikap mesra demi keharmonian hidup	3	Prinsip kekeluargaan membentuk imej keluarga	Menerima dan emmatuhi prinsip-prinsip dalam keluarga
1	Saling membantu untuk kesejahteraan bersama	Menunjukkan sikap suka membantu untuk kebaikan bersama	3	Kemerdekaan lambang kedaulatan sesebuah Negara	Menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah Negara
1	Hormat-menghormati sesama anggota keluarga	Menghormati setiap anggota keluarga	4	Tindakan bijaksanan melalui pendekatan berhemah	Sentiasa bersopan dalam tindakan
1	Saling menghormati kedaulatan sesebuah Negara	Menghormati kedaulatan Negara sendiri dan orang lain demi kesejahteraan sejagat	4	Manusia yang menyayangi diri dan orang lain sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu	Mengamalkan kasih sayang dengan menggunakan pelbagai ilmu secara bijaksana dan mengamalkan kehidupan seharian
2	Tutur kata dan tingkah laku yang selaras dengan norma masyarakat	Mengamalkan pertuturan dan tingkah laku yang sesuai dengan norma masyarakat	4	Pemikiran yang matang melahirkan tindakan berhikmah	Mengamalkan sikap rasional dalam setiap tindakan
2	Kasih dan sayang semua hidupan di dunia	Menyayangi dan tidak memusnahkan	4	Sikap kesederhanaan dalam kehidupan	Mengamalkan sikap kesederhanaan seperti yang dituntut oleh agama
2	Pemikiran terbuka menjamin keputusan bijak	Membuat keputusan setelah menimbang pelbagai faktor	4	Hari istimewa keluarga menjamin kemesraan sesama anggota keluarga	Meraikan hari-hari istimewa keluarga dan menunjukkan kasih sayang terhadap keluarga
2	Kesederhanaan dalam hubungan	Mengambil tindakan dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain	4	Sikap prihatin menjamin kesejahteraan keluarga	Peka terhadap keperluan dan perasaan anggota keluarga
2	Kebahagiaan keluarga tanggungjawab bersama	Menyayangi ibu bapa dan anggota keluarga lain	4	Kebebasan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti demi membangunkan Negara	Member khidmat sosial kearah pembangunan negara demi kebaikan bersama
2	Hormat dan taat kepada ibu bapa tuntutan agama	Memulia dan mentaati ibu bapa seperti dituntut agama	4	Malaysia pengamal prinsip berkecuali	Menyokong Dasar Berkecuali Malaysia yang menghormati semua negara di dunia
2	Semangat kejiranan membentuk kesejahteraan masyarakat	Menjadi jiran yang baik boleh dicontohi oleh masyarakat			
2	Amalan saling menghormati antara Negara menjamin kemantapan ekonomi	Perasaan bertolak ansur dan saling menghormati menjamin kesepakatan dan pembangunan			

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b

JADUAL 7. Aspek Kemuliaan dan Kehormatan Manusia

Tingkatan	Tajuk	Perkara
1	Amalan keadilan dalam institusi kekeluargaan	Berlaku adil dengan setiap tindakan dengan anggota keluarga
1	Hak asasi kanak-kanak tanggungjawab bersama	Menerima hakikat setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk menikmati kehidupan yang sempurna
1	Layanan yang baik merupakan keistimewaan untuk wanita	Memberi layanan yang baik
1	Kebajikan pekerja tanggungjawab bersama	Semua pekerja mempunyai hak yang perlu dihormati
1	Hargai orang kurang berupaya dengan memahami mereka	Menerima hakikat dan menginsafi diri bahawa tiada seorang insan pun dilahirkan dengan penuh kesempurnaan
1	Hormati hak pengguna untuk mendapatkan keperluan asas	Menerima hakikat diri sendiri adalah pengguna yang mempunyai hak dan tanggungjawab
1	Keperluan kebebasan bersuara memupuk kesejahteraan hidup bermasyarakat	Memberi pendapat dan meluahkan perasaan mengikut batasan
2	Keadilan membentuk budaya sekolah	Menerima dan mengamalkan prinsip keadilan di sekolah
2	Hak wanita tanggungjawab bersama	Bersikap terbuka dalam mengiktiraf wanita sebagai golongan yang berkebolehan, berpotensi dan bermaruah
2	Majikan prihatin pekerja berjaya	Kebajikan pekerja tanggungjawab majikan
2	Golongan kurang berupaya memerlukan layanan dan sokongan pelbagai pihak	Memberi layanan dan sokongan yang baik kepada golongan kurang berupaya
2	Kepekaan pengguna terhadap hak dan tanggungjawab	Menyedari dan mengenal pasti hak pengguna untuk mendapatkan perlindungan dan maklumat tentang barangan dan perkhidmatan
3	Prinsip keadilan kerajaan menjamin kesamarataan	Menerima prinsip keadilan yang diamalkan kerajaan
3	Pendidikan menjamin masa depan anak-anak	Berhak mendapat didikan dan ilmu
3	Hak wanita sebagai isteri, ibu dan pendidik serta pengasuh dalam kehidupan berkeluarga	Menerima dan menghormati wanita
3	Hak pekerja mendapat pengiktirafan	Menyokong usaha mengiktiraf jasa dan sumbangan pekerja
3	Golongan kurang berupaya mampu menyumbang kepada Negara	Menerima bahawa goongan kurang upaya juga dapat menyumbang dalam pelbagai bidang
3	Pengetahuan kepenggunaan pemangkin kualiti barangan dan perkhidmatan	Mengguna pengetahuan kepenggunaan dalam menegakkan hak sebagai pengguna
4	Keadilan menjamin kesejahteraan masyarakat	Menerima amalan keadilan melalui sistem kehakiman Negara dan bersikap adil dalam tindakan dan membuat keputusan
4	Pengiktirafan kanak-kanak dari segi bakat dan kebolehan	Hak mendapat layanan dan pengiktirafan yang setimpal dengan bakat dan pencapaian
4	Dasar Wanita Negara menjana kemajuan wanita	Menyokong usaha pelbagai pihak dalam mengangkat martabat wanita
4	Usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pekerja tanggungjawab bersama	Menyokong usaha pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pekerja
4	Kecacatan tidak menghalang individu untuk berjaya	Menerima kecacatan bukan penghalang untuk berjaya dan mengiktiraf sumbangan
4	Hak pengguna wajar diperjuangkan	Membela hak pengguna untuk mendapat barangan dan perkhidmatan berkualiti

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b

JADUAL 8. Aspek Amalan Pendekatan Persefahaman

Tingkatan	Tajuk	Perkara
2	A m a l a n b e r m u s y a w a r a h sebagai budaya hidup berkeluarga	Berbincang dengan anggota keluarga dalam suasana yang harmoni
2	Teguran yang membina penting untuk kebaikan bersama	Menerima pandangan dan teguran orang lain demi kebaikan bersama
2	Permuafakatan untuk kebaikan bersama	Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti masyarakat untuk kesejahteraan bersama
3	Amalan berfikir sebelum bersuara menjamin keputusan yang terbaik	Berfikir sebelum bersuara
3	Amalan sikap terbuka menjamin hubungan yang harmonis	Bersikap terbuka dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi
3	Penyelesaian konflik secara diplomasi demi kebaikan bersama	Berunding untuk menyelesaikan sesuatu masalah demi keamanan bersama
3	Dasar Negara dijayakan bersama	Menyokong dan melibatkan diri dalam menjayakan dasar Negara
4	Kebebasan bersuara dengan batasan menjamin ketenteraman bersama	Mematuhi peraturan berucap di tempat awam
4	Amalan sikap terbuka dalam hubungan dengan pelbagai pihak	Bersedia menerima nasihat, kritikan dan teguran
4	Perpaduan dan keharmonian Negara dipikul bersama	Turut serta dalam usaha-usaha ke arah menyatupadukan masyarakat
4	Wawasan 2020 dijayakan bersama	Menerima cabaran-cabaran Wawasan 2020 dan berusaha menjadikannya kenyataan

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b

DAPATAN BERDASARKAN JUMLAH BILANGAN TAJUK

Tingkatan	Bilangan Tajuk Pendidikan Moral	Bilangan Tajuk yang Mengandungi Aspek Persefahaman Antara Agama	Peratus
1	36	21	58%
2	36	18	50%
3	36	17	47.2%
4	36	21	60%
Jumlah	144	77	53.4%

SUMBER. Pusat Perkembangan Kurikulum 2000b

PERANAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL DALAM MEMUPUK PERSEFAHAMAN ANTARA AGAMA

Kajian yang dibuat secara deduktif ini memaparkan aspek persefahaman antara agama yang diterapkan di dalam Huraian Sukatan Pelajaran, Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral yang secara tidak langsung menonjolkan peranan pendidikan Islam dan moral dalam memupuk persefahaman antara agama. Secara umumnya, aspek persefahaman dalam pendidikan Islam adalah jelas berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang menjadi pegangan utama umat Islam yang bersifat universal. Manakala pendidikan moral menekankan nilai-nilai universal dengan mengutamakan kepercayaan kepada tuhan mengikut kepercayaan agama masing-masing berdasarkan bidang pembelajaran utama dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, iaitu 'Kepercayaan kepada Tuhan'.

Dalam pendidikan Islam, aspek toleransi beragama menerusi sedia menerima perbezaan melalui bersikap sabar dan berlapang dada serta bersikap terbuka diterapkan dalam tiga tajuk, iaitu 'kefahaman surah al-Baqarah ayat 256' yang menyatakan Islam bukan agama paksaan, keduanya ialah 'adab terhadap Muslim dan non-Muslim' dan ketiganya bertajuk, 'rakyat Malaysia bebas mendapat pendidikan agama'. Selanjutnya, menerusi menghormati doktrin kepercayaan dan amalan agama lain juga di bawah tajuk 'adab terhadap Muslim dan non Muslim'. Namun tiada tajuk yang menerapkan mengenai memahami etika, falsafah dan pantang larang agama lain. Secara keseluruhannya, aspek ini mengandungi empat tajuk yang diterapkan dalam pendidikan Islam.

Aspek toleransi beragama menerusi sedia menerima perbezaan melalui bersikap sabar dan

berlapang dada dan bersikap terbuka dalam pendidikan moral pula menonjolkan tiga tajuk berkaitan toleransi, iaitu 'toleransi menjamin perpaduan, hubungan mesra dan persefahaman'. Malah aspek tersebut juga terdapat di bawah tajuk 'sikap terbuka dalam tindakan'. Manakala mengenai menghormati doktrin kepercayaan dan amalan agama dapat ditonjolkan melalui tajuk 'amalan keagamaan membentuk peribadi', tajuk ini menekankan elemen menghormati amalan pelbagai agama, cara beribadat dan perihal makanan. Hal ini turut terdapat di bawah tajuk 'rakyat Malaysia merayakan pelbagai upacara keagamaan' yang memberi penekanan meraikan upacara keagamaan sendiri dan menghormati upacara keagamaan orang lain. Tajuk 'toleransi mewujudkan perpaduan masyarakat' juga turut menyentuh mengenai menghormati amalan hidup pelbagai kaum. Malah dikuatkan lagi dengan tajuk 'sikap saling menghormati tempat beribadat mengelak prasangka'. Namun dalam pendidikan moral, tiada tajuk yang menerapkan mengenai memahami etika, falsafah dan pantang larang agama lain. Keseluruhannya, terdapat sembilan tajuk aspek toleransi beragama yang diterapkan dalam pendidikan moral.

Sekiranya diteliti dari sudut kekuatan penerapan aspek persefahaman antara agama dalam pendidikan Islam dan moral, jelas dapat dilihat dalam aspek penerapan toleransi beragama, iaitu sedia menerima perbezaan melalui bersikap sabar dan berlapang dada dan bersikap terbuka, pendidikan Islam dan moral, menghormati doktrin kepercayaan dan amalan agama. Namun jelas terdapat kekurangan, iaitu tiada penerapan dalam aspek toleransi beragama: Memahami etika, falsafah dan pantang larang agama.

Manakala diteroka pula aspek kedua kajian ini dalam memupuk persefahaman antara penganut agama adalah sifat kasih sayang, berperikemanusiaan dan kesederhanaan dalam pendidikan Islam yang jelas sarat dengan tajuk-tajuk berkaitan menjaga adab, iaitu 'adab dengan ibu bapa' (dua tajuk), 'keluarga', 'menjaga orang sakit', 'kawan, guru, jiran' dan 'masyarakat, sama ada Muslim dan non-Muslim' serta 'adab kehidupan bersosial' yang mempunyai sub tajuk adab menerima tetamu, bekerja, bercakap dalam majlis dan berpidato. Dalam kefahaman surah pula, melalui 'surah al-Baqarah ayat 83' terdapatnya perintah berbuat baik dengan ibu bapa, keluarga, jiran tetangga dan anak yatim. Manakala 'surah Al 'Imran ayat 159' ialah mengenai sifat terpuji, lemah lembut, tidak keras hati dan pemaaf dan 'surah Luqman ayat 14-15 dan 18-19' mengenai bersopan santun dengan ibu bapa dan adab-adab berjalan dan bercakap sesama

manusia. Seterusnya, mengenai dalil pengharaman, larangan dan akibat 'menghina, menderhaka, menipu dan berbohong terhadap ibu bapa serta makan harta anak yatim'. Terdapat juga tajuk berkaitan 'hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim' mengenai kelebihan bersedekah. Dari sudut bilangan yang berkaitan dengan aspek ini ialah sebanyak 15 tajuk.

Manakala dalam pendidikan moral turut menekankan sifat menyayangi, mesra, bertanggungjawab, membantu, menghormati diri, ibu bapa, keluarga, jiran, masyarakat dan negara. Malahan ia turut menegaskan agar berfikir rasional, bersikap terbuka dan mengamalkan sikap bersederhana dan dalam kehidupan harian seperti yang dituntut agama. Bilangan tajuk berkaitan sifat kasih sayang, berperikemanusiaan dan kesederhanaan dalam pendidikan moral ialah sebanyak 33 tajuk.

Dari sudut aspek kemuliaan dan kehormatan manusia pula, jelas dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam menekankan agar menjaga amanah, janji, keadilan dan hak manusia, terutama dalam kebebasan beragama berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Malah ia memaparkan kepimpinan Rasulullah SAW melalui Piagam Madinah dalam menegakkan hak orang bukan Islam. Begitu juga pada zaman Khulafa' al-Rashidin yang menekankan aspek amanah dan adil. Terdapat empat tajuk yang berkaitan aspek tersebut. Manakala dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral pula menekankan agar menghormati hak, mengamalkan prinsip keadilan, menghargai, memberi layanan yang baik dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, kanak-kanak, wanita, masyarakat, pekerja, golongan kurang upaya dan pengguna. Semuanya mengandungi 24 tajuk berkaitan aspek tersebut.

Pendidikan Islam turut menekan pelbagai amalan pendekatan persefahaman antaranya seperti penerapan nilai pelaksanaan berbuat baik dan melarang kejahatan menerusi dialog secara berhikmah, nasihat yang baik dan perdebatan yang berkesan dan harmoni serta menjelaskan konsep perpaduan di antara Muslim dan non-Muslim. Perjanjian Hudaibiyah turut menjadi pengajaran dan iktibar dalam kesediaan berunding untuk mengatasi masalah dan bersabar. Lima tajuk diterapkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam. Pendidikan moral pula menekankan agar berbincang, bermuafakat dan berunding dalam suasana harmoni. Bersikap terbuka, menerima nasihat, kritikan dan teguran untuk kebaikan dan berfikir sebelum bersuara serta berusaha untuk mencapai perpaduan. Sebanyak 11 tajuk diterapkan dalam pendidikan moral.

Secara keseluruhannya, dari sudut bilangan tajuk pendidikan Islam yang berkaitan aspek persefahaman antara agama ialah sebanyak 28 tajuk. Tajuk ini boleh diterapkan di tingkatan 1, iaitu sebanyak sembilan tajuk, manakala tingkatan 2 pula ialah lapan tajuk, menurun pula bilangannya di tingkatan 3, iaitu hanya empat tajuk yang berkaitan dan tingkatan 4 mengandungi tujuh tajuk. Dari sudut peratus pula, secara keseluruhannya ialah 15.6% tajuk diterapkan pada aspek memupuk persefahaman antara agama dalam pendidikan Islam. Apabila ditinjau dalam pendidikan moral pula, secara keseluruhannya mengandungi 77 tajuk, iaitu 53.4% daripada tajuk-tajuk yang diajar. Sebanyak 21 tajuk diterapkan ditingkatan 1, 18 tajuk di tingkatan 2, 17 tajuk ditingkatan 3 dan tingkatan 4 pula mengandungi 21 tajuk.

Secara rumusannya, pendidikan Islam dan moral amat menekankan: aspek toleransi beragama, kasih sayang, berperikemanusiaan dan kesederhanaan; aspek kemuliaan dan kehormatan manusia; dan aspek amalan pendekatan persefahaman ke arah mewujudkan persefahaman antara agama. Namun tiada penerapan dalam memahami etika, falsafah dan pantang larang agama lain.

KESIMPULAN

Konklusinya, aspek-aspek memupuk persefahaman antara penganut agama adalah perlu dengan adanya nilai-nilai universal dalam setiap diri penganut agama yang terdiri daripada tiga aspek penting, iaitu: bersikap toleransi agama; sifat kasih sayang; berperikemanusiaan dan kesederhanaan; dan ketiga, pengiktirafan kemuliaan dan kehormatan terhadap manusia. Seterusnya, persefahaman dapat dijayakan menerusi amalan atau pendekatan sama ada dialog, pendidikan, kajian agama-agama, seminar dan persidangan agama, peranan media massa dan elektronik dan peranan semua pihak, sama ada pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO). Persefahaman antara penganut agama wajar dilaksanakan bagi mencapai perpaduan, keharmonian dan keamanan, terutama di negara masyarakat majumuk seperti Malaysia. Bertunjangkan agama, kehidupan menjadi lebih bermoral seterusnya dapat menghadapi cabaran era globalisasi dan sekularisme. Justeru, pendidikan Islam dan moral merupakan mata pelajaran yang menerapkan aspek-aspek persefahaman antara penganut agama terutama dalam diri para pelajar itu sendiri. Dapatan berdasarkan huraian sukatan pelajaran menunjukkan pendidikan

Islam menyumbangkan sebanyak 28 tajuk atau 15.6% berkaitan aspek memupuk persefahaman antara penganut agama, manakala pendidikan moral lebih jelas ketara penerapannya, iaitu mengandungi 77 tajuk, iaitu 53.4%.

RUJUKAN

- Dewey, J. 1991. *The School and Society, The Child and the Curriculum*. Chicago: University of Chicago.
- Ee, Ah Ming. 1994. *Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. Mata Pelajaran Teras Sekolah Menengah. <http://www.moe.gov.my/my/pelajaran-menengah>.
- McNeil, D. 1997. *Curriculum: A Comprehensive Introduction*. 5th edition. Boston: Addison-Wesley Pub. Co.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Shahrin Awaluddin, Khadijah Abdul Razak, Ab Halim Tamuri, Mohd Isa Hamzah & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2002. Kurikulum pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1*, hlm. 10-31.
- Pratt, D. 1980. *Curriculum: Design and Development*. Orlando: Harcourt School Publisher.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2000a. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2000b. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Schubert, W.H. 1986. *Curriculum, Perspectives, Paradigm and Possibility*. New York: Mc Millan Publishing Co.
- Wiles, J. & Bondi, J. 1998. *Curriculum Development: a Guide to Practice*. New Jersey: Merrill, Prentice Hall.

Kamarudin Salleh
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
dins@ukm.edu.my

Yang Marya Abd Khahar
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA